

www.mymrt.com.my

berita MRT

buletin projek MRT

APR-JUN 2016
JILID 5
EDISI 2

PERSIAPAN TERAKHIR

HAMPIR SIAP:
Pandangan di aras platform Stesen Semantan dengan pelbagai ujian-ujian sedang dijalankan yang melibatkan tren.

DALAM EDISI INI

3
Kerja-Kerja Akhir Bagi Stesen MRT



4
Kemajuan Projek



6
Bekas Penduduk Setinggan Menerima Cek Sumbangan



7
Hab Informasi Baru MRT Dilancarkan



8
Menentukan Peranan Pengendali Dan Pemilik Aset





Pengarang


Dato' Najmuddin Abdullah

Penulis


Leong Shen-li


Wallace Soh Chun Hwei


Amalina Ghazali


Ezreen Siti Juliana


Rizal Redzuan

Penerbit
Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Level 5, Menara I & P1,
No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Pereka Grafik
Hunter Strategic Communication Sdn Bhd
34 B, Jalan Tun Mohd Fuad 2,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

Pencetak
Pacific Printing and Trading
34 B, Jalan Tun Mohd Fuad 2,
Taman Tun Dr Ismail,
60000 Kuala Lumpur.

PUSAT INFORMASI MRT

Pusat Informasi MRT Jalan Sultan Azlan Shah
Unit A-2-8, Viva Mall,
No. 378 Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 Kuala Lumpur.

Pusat Informasi MRT Centre Seri Kembangan
D-11-G, Jalan Atmosphere 7,
Pusat Perniagaan The Atmosphere,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Isnin - Jumaat : **9:00 pagi - 6:00 petang**
Sabtu - Ahad & Cuti Umum : **Tutup**

IBU PEJABAT KORPORAT MRT

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD
(902884-V)
Level 5, Menara I & P1,
No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Kami mengalu-alukan sebarang pertanyaan dan cadangan anda. Sila hantarkan ke
feedback@mymrt.com.my

HOTLINE 24 JAM
1800 82 6868
www.mymrt.com.my



MRTMalaysia MRTMalaysia MRTMalaysia



Dari Meja Ketua Pegawai Eksekutif
DATO' SRI SHAHRIL MOKHTAR

BERSIAP SEDIA UNTUK OPERASI

SELAMAT datang ke edisi kedua *Berita MRT* bagi Tahun 2016.

Pertengahan tahun ini telah pun berlalu dan detik bagi kami untuk memulakan operasi bagi Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) semakin hampir. *Countdown* ke pelancaran telah bermula dari ketika ini sehingga ke hari yang dinantikan di bulan Disember di mana 12 stesen-stesen bagi Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan akan membuka pintu untuk orang ramai buat pertama kalinya.

Maka, adalah wajar cerita muka hadapan edisi *Berita MRT* kali ini memberi tumpuan kepada kerja-kerja yang sedang dijalankan bagi memastikan laluan sedia untuk operasi.

Cerita muka hadapan adalah mengenai kerja-kerja akhir yang telah dijalankan di stesen-stesen bertingkat. Sememangnya banyak aktiviti-aktiviti sedang berjalan; begitu banyak sehingga jikalau dilihat oleh orang yang tidak biasa dengan kerja ini, terasa mungkin tidak akan dapat disiapkan tepat pada masanya.

Yakinlah bahawa jurutera-jurutera kami sedang memantau dengan teliti semua kerja-kerja yang sedang berjalan. Semua yang diperlukan bagi menjalankan operasi dengan selamat akan diselesaikan, Insyallah.

Kebanyakan kerja-kerja tertumpu kepada papan tanda; kemasan seni bina seperti *cladding,* siling-siling dan birai-birai; servis-servis bangunan seperti lampu-lampu, kipas-kipas, pengudaraan dan sistem pembetungan; dan kelengkapan sistem mekanikal dan elektrikal seperti sistem pengumuman awam dan papan tanda-papan tanda elektronik.

Di aras atas tanah pula, kita dapat melihat kerja-kerja landskap, pembinaan jalan-jalan stesen dan hentian-hentian, dan pengembalian jalan-jalan ke keadaan yang asal sedang dijalankan.

Cerita muka hadapan edisi ini merupakan Bahagian Pertama cerita dua bahagian. Bahagian Kedua, yang akan diterbitkan bagi edisi yang akan datang, meliputi persediaan bagi satu lagi aspek paling penting bagi MRT iaitu tren-tren. Jadi, pastikan anda mendapat edisi *Berita MRT* yang akan datang.

Waktu ini juga merupakan masa yang baik untuk kami mendedahkan peranan-peranan MRT Corp dan Prasarana Malaysia Berhad. Apakah sebenarnya yang dimaksudkan apabila kami mengatakan bahawa MRT Corp adalah pemilik aset dan Prasarana atau anak syarikatnya adalah pengendali? Cerita di halaman belakang berita ini dapat memberi penjelasan mengenai perbezaan peranan-peranan di antara kedua-dua pihak.

Sebagai pengendali, Rapid Rail Sdn Bhd iaitu anak syarikat Prasarana akan mengendalikan tren-tren dan bas-bas pengantara, dan mengekalkan hasil kutipan dari tambang. Lebih penting bagi pengguna, Rapid Rail Sdn Bhd akan menguruskan semua perhubungan pelanggan, yang pada dasarnya merupakan salah satu fungsi operasi. Rapid Rail juga akan menguruskan penyelenggaraan aset berjadual.

Bagi MRT Corp pula, peranannya bagi Laluan SBK akan menjadi semakin berkurang. Daripada pemaju laluan, kami akan menjadi pemilik semua infrastruktur laluan. Apabila ia menyentuh tentang penyelenggaraan, kami akan bertanggungjawab bagi kerja-kerja yang berkos tinggi seperti kerja membaik pulih (overhaul).

Susulan Perjanjian Operasi dan Penyerahan MRT yang telah ditandatangani oleh MRT Corp dan Rapid Rail, semua hasil bukan tambang dan hasil sampingan, seperti pengiklanan, sewa niaga dan bayaran letak kenderaan, akan diurus oleh MRT Corp. Dana kerajaan bagi Laluan SBK akan berhenti apabila laluan mula beroperasi. Hasil bukan tambang pula akan menjadi satu-satunya sumber pendapatan bagi MRT Corp untuk menampung kos-kos overhed yang melibatkan Laluan SBK.

Dalam hanya tempoh masa beberapa bulan lagi, tren-tren kami akan mula mengambil penumpang. Kami di MRT Corp menantikan detik ini dengan hati berdebar-debar.

Saya pasti anda juga tidak sabar menantikan hari yang bersejarah ini dan saya memberi jaminan kepada anda bahawa dalam masa yang terdekat, anda akan menikmati sistem tren terbaru dan paling moden di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Shahril



TAHUKAH ANDA ...

TREN bagi Electric Train Service (ETS) yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu bergerak sehingga ke 140km sejam. Ini menjadikannya antara keretapi terpantas di dunia yang menggunakan landasan tolok meter (metre gauge) yang sempit. Keretapi berkelajuan tinggi yang lain menggunakan tolok piawai 1.435m ataupun tolok yang lebih lebar.



Sumber: Wikimedia Commons "KTM Class 93"

KERJA-KERJA AKHIR BAGI STESEN MRT

Oleh Leong Shen-li



TERPERINCI: *Pekerja menjalankan ujian ke atas pintu tiket automatik di Stesen Semantan.*



SAMBUNGAN: *Jejantas, seperti yang kelihatan di dalam gambar di Stesen Bandar Utama, juga telah dibina untuk menghubungkan stesen-stesen dengan kemudahan medan letak kereta.*



AWASI LANGKAH ANDA: *Eskalator dari aras ruang legar ke aras platform yang siap dipasang di Stesen Phileo Damansara.*



RUANG YANG LUAS: *Pandangan aras platform di Stesen Semantan dengan pemasangan pintu platform automatik, kipas bersaiz besar dan lampu.*



SELESA: *Bangku dan kipas yang telah dipasang di aras platform dari Stesen Kwasa Sentral.*

Dalam bahagian pertama rencana yang terdiri daripada dua bahagian, Berita MRT memaparkan kerja-kerja terakhir bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang yang akan mula beroperasi pada hujung tahun ini. Dalam bahagian ini, kami tumpu pada aktiviti-aktiviti bagi menyediakan stesen MRT siap untuk beroperasi.

FASA Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan akan mula beroperasi pada bulan Disember tahun ini. Dengan hanya beberapa bulan yang tinggal, kerja-kerja terakhir pembinaan sedang berjalan lancar untuk memastikan sasaran ini, yang telah kekal tidak berubah sejak dari permulaan projek, dapat dicapai.

Sementara kerja pembinaan sedang berjalan bagi keseluruhan laluan, ia kini tertumpu di sepanjang jajaran bertingkat utara yang akan mula beroperasi di bawah Fasa Pertama. Pada masa yang sama, depoh yang dilengkapi dengan Pusat Kawalan Operasi atau Operations Control Centre (OCC) sudah tentu sibuk dengan aktiviti sebagai nadi bagi Laluan SBK.

Sebahagian daripada kerja-kerja gigih dijalankan adalah di 12 stesen bertingkat antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan yang akan menjadi stesen pertama akan digunakan oleh penumpang.

Kerja-kerja sivil utama telah pun selesai bagi semua stesen-stesen ini pada hujung tahun yang lalu dan kini, kerja ditumpukan kepada pemasangan bumbung dan kerja-kerja luaran seperti penutup keluli yang akan menutup permukaan struktur stesen.

Kerja-kerja utama ini memerlukan kren-kren besar untuk mengangkat bahan-bahan sehingga ke aras platform stesen serta mengangkat pekerja-pekerja untuk memasang struktur-struktur keluli. Oleh kerana kebanyakan kerja perlu dilakukan di atas jalan raya, aktiviti-aktiviti ini hanya boleh dijalankan pada waktu malam kerana ia melibatkan penutupan jalan raya.

Kerja-kerja utama lain yang dijalankan di bahagian luar stesen-stesen adalah pembinaan pintu masuk, di mana semua stesen akan mempunyai sekurang-kurangnya dua pintu masuk dan ada di antaranya yang mempunyai lebih daripada bilangan itu. Selain tangga-tangga, pintu masuk ini juga dilengkapi dengan eskalator dan lif untuk membolehkan akses oleh orang kurang upaya.

Sebahagian daripada pintu masuk ini telah dibina di seberang jalan-jalan utama atau lebuhraya-lebuhraya dari stesen, dan jejantas pejalan kaki diperlukan untuk menghubungkan stesen dengan pintu-pintu masuk seperti ini. Kebanyakan jejantas, yang dibina dengan struktur keluli, telah pun dipasang dan kini kerja-kerja memasang kemudahan dan peralatan seni bina, mekanikal dan elektrikal sedang dijalankan.

Kerja untuk membina dan memasang kemudahan di aras atas tanah yang terletak di bawah stesen bertingkat juga telah dijalankan. Kerja-kerja ini termasuk pembinaan perhentian teksi dan bas, dengan bangku-bangku bagi orang yang menunggu bas dan teksi turut dipasang. Terdapat juga kawasan menurunkan penumpang dari kereta persendirian. Kemudahan-kemudahan ini kebiasaannya terletak pada atau berdekatan dengan pintu masuk stesen.

Kerja-kerja untuk jalan juga turut dijalankan, di mana jalan yang baru dibina serta kerja mengembalikan semula jalan-jalan kepada keadaan asal atau menyelaraskan semula jalan-jalan yang telah terjejas semasa pembinaan. Selain memberi akses untuk penumpang ke pintu masuk stesen, hentian bas dan teksi serta kawasan turun penumpang, jalan-jalan ini turut akan membawa penumpang ke kemudahan medan letak kereta.

Kerja-kerja yang dinyatakan di atas dapat dilihat oleh orang awam, namun terdapat banyak kerja-kerja yang dijalankan di dalam stesen-stesen yang tersembunyi dari pandangan umum.

Kebanyakan stesen-stesen bertingkat mempunyai dua aras – aras ruang legar di bawah, dan aras platform di bahagian atas stesen. Setiap satu aras mempunyai peralatan sistem mekanikal dan elektrikal serta perkhidmatan bangunan spesifik yang perlu dipasang.

Di aras ruang legar, peralatan sistem mekanikal dan elektrikal yang sedang dipasang adalah pintu kutipan tambang automatik yang akan memastikan hanya pengguna yang mempunyai tiket sah boleh menaiki tren-tren, mesin tiket layan diri, pejabat perkhidmatan penumpang, sistem pengumuman awam dan paparan elektronik yang akan memaparkan informasi perjalanan seperti waktu ketibaan tren.

Di bahagian belakang stesen, jentera dan peralatan telah dipasang di dalam bilik-bilik membolehkan sistem mekanikal dan elektrikal berfungsi.

Sementara itu, peralatan perkhidmatan bangunan yang melibatkan pemasangan lampu, eskalator-eskalator, kipas-kipas bersaiz besar, penyaman udara, kabel dan peralatan elektrik (seperti suis dan plag), peralatan pengesan dan perlindungan kebakaran, utiliti, kerja-kerja memasang paip dan kelengkapan tandas sedang dijalankan.

Akhir sekali, terdapat juga kerja-kerja binaan seperti pemasangan jubin lantai, birai kaca di hujung aras ruang legar, tangga-tangga dan di antara kawasan penumpang bertiket dan belum bertiket, penutup kaca di atas dinding konkrit dalaman dan siling sesekat lengkap dengan panel-panel dan kotak-kotak untuk lampu.

Sementara itu, di aras platform, peralatan sistem mekanikal dan elektrikal yang paling utama adalah pintu platform automatik. Pintu platform automatik ini jelas dipasang sebagai ciri keselamatan dan pintu-pintu akan buka hanya apabila tren berhenti di stesen, di mana pintu-pintu tren akan diselaraskan sepenuhnya dan buka pada masa yang sama dengan pintu platform automatik.

Peralatan lain adalah sama dengan peralatan yang terdapat di aras ruang legar termasuk lampu, kipas-kipas bersaiz besar, peralatan pengumuman awam, peralatan pengesan dan perlindungan kebakaran dan sistem informasi tren.

Apabila siap, keseluruhan Laluan SBK akan dilengkapi dengan 289 eskalator, 112 lif dan 292 buah kipas bersaiz besar di aras ruang legar dan juga aras platform untuk memastikan penumpang berasa selesa semasa menunggu ketibaan tren-tren.

Kesemua kontraktor pakej kerja, sub-kontraktor stesen yang dipilih dan sub-kontraktor yang lain kini sedang bertungkus-lumus untuk menyiapkan kerja-kerja mereka. Ini akan memastikan stesen-stesen akan berfungsi sepenuhnya pada bulan Disember tahun ini.



HAB INFORMASI: *Pejabat perkhidmatan pelanggan hampir siap di aras ruang legar di Stesen Semantan.*



PEMBINAAN RANCAK BERJALAN: *Kerja-kerja pemasangan jubin lantai di salah sebuah pintu masuk di Stesen Kwasa Sentral.*



INFORMASI: *Papan paparan elektronik yang akan menyediakan informasi tren sedang diuji di Stesen Kwasa Sentral.*



UNTUK KE DESTINASI: *Stesen-stesen yang akan mempunyai hentian untuk bas pengantara, teksi dan kereta-kereta persendirian bagi menurunkan dan mengambil penumpang MRT, seperti dalam gambar di Stesen Pusat Bandar Damansara.*




LUAS: *Pandangan Stesen Kwasa Damansara di mana kemudahan medan letak kereta telah siap dibina.*



MUDAH: *Bangunan Letak Kereta Bertingkat Sungai Buloh yang akan digunakan oleh penumpang MRT dan KTM Komuter.*

KEMAJUAN PROJEK





PERHUBUNGAN BAIK
Pandangan laluan penghubung antara Stesen MRT Sungai Buloh (kanan) dengan Stesen KTM Komuter hampir siap dibina.




MUDAH
Jejantas pejalan kaki menghubungkan Stesen Kampung Selamat dan pembangunan-pembangunan dan kawasan-kawasan komersial di seberang Jalan Sungai Buloh-Subang.



PEMBANGUNAN AKAN DATANG
Pandangan Stesen Kwasa Damansara hampir siap dengan tanah bersebelahan yang telah dibersihkan untuk pembangunan Kwasa Damansara.



KEMUDAHAN
Stesen Kwasa Sentral di mana kemudahan letak kenderaan dan jalan ke Jalan Sungai Buloh-Subang (belakang stesen) sedang dibina.



KEMAJUAN YANG BAIK
Pintu masuk bagi Stesen Kota Damansara yang terletak di atas Persiaran Surian sedang dibina.



TREK DIPASANG
Pandangan kerja-kerja pemasangan trek yang sudah siap di Syaf Intervensi 1 di Bukit Persekutuan yang akan menjadi syaf kecemasan.



PEMASANGAN SEDANG BERJALAN
Kelengkapan dan peralatan lain seperti eskalator sedang dipasang di Stesen Muzium Negara.




SAMBUNGAN
Tangga dan tempat untuk eskalator yang akan menghubungkan Stesen MRT Pasar Seni dengan Stesen LRT Pasar Seni sedang dibina.



SEDANG BERJALAN
Kelengkapan dan peralatan sedang dipasang di dalam Stesen Merdeka.



STESEN YANG DALAM
Pandangan aras ruang legar atas (atas) dan aras platform atas bagi Stesen MRT Bukit Bintang.



LOKASI YANG SIBUK
Pandangan Stesen Taman Pertama yang terletak berhampiran dengan bulatan Bandar Tun Razak.




AKSES SIAP
Pandangan Stesen Taman Mutiara di Cheras dengan pintu masuk yang telah dibina.




PEMBINAAN DITERUSKAN
Pembinaan salah sebuah pintu masuk ke Stesen Taman Connaught sedang dijalankan.



KERJA PEMASANGAN TREK
Pandangan landasan-landasan yang telah dipasang untuk menghubungkan landasan sisi ke landasan utama berhampiran Stesen Taman Suntex.



HAMPIR SIAP
Stesen Sri Raya bersebelahan dengan Lebuhraya Cheras-Kajang menjalani kerja-kerja akhir pemasangan bumbung.



6

SEDANG BERJALAN
Stesen Bandar Utama sedang menjalani kerja-kerja pembinaan akhir.

7

AKSES
Pintu masuk ke Stesen Taman Tun Dr Ismail sedang dibina.

8

PANJANG
Pandangan jejantas pejalan kaki merentangi Lebuhraya SPRINT yang menghubungkan Stesen Phileo Damansara dengan Pintu Masuk A bersebelahan Pusat Komersial Phileo Damansara.

9

BERTINGKAT
Pandangan dari udara Stesen Pusat Bandar Damansara di waktu petang dengan hentian bas pengantara dan tempat menurunkan penumpang yang hampir siap (bawah).

10

HAMPIR SIAP
Pandangan dari udara Stesen Semantan di waktu petang menunjukkan pintu masuk ke Jalan Dungun (kanan).

16

KECEMASAN
Pandangan pembukaan Syaf Intervensi 2 berhampiran dengan persimpangan di Jalan Bukit Bintang dan Jalan Raja Chulan yang akan dijadikan sebagai syaf kecemasan.

17

BUMBUNG STESEN
Pandangan penimbusan di bumbung stesen dan struktur seperti syaf pengudaraan dan pintu masuk ke Stesen Tun Razak Exchange yang sedang dibina.

18

DIPASANG
Peralatan, kelengkapan dan struktur-struktur lain seperti kaunter perkhidmatan pelanggan sedang dipasang di dalam Stesen Cochrane.

19

MULAI TERBENTUK
Pintu masuk ke Stesen Maluri sedang dibina.

20

PENGHUJUNG TEROWONG
Landasan yang sudah dipasang di Portal Maluri, penghujung selatan terowong di mana tren akan muncul dari bawah tanah dan meneruskan perjalanan ke Kajang dengan menggunakan landasan bertingkat.

26

KEMUDAHAN PARKIR
Kemudahan tempat letak kenderaan di Stesen Bandar Tun Hussein Onn sedang dibina.

27

AKAN DATANG
Kemudahan medan letak kenderaan di Stesen Bukit Dukung mulai terbentuk.

28

RUMAH KEDUA
Depoh Kajang yang telah siap. Depoh ini merupakan "rumah" kedua bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang.

29

LOKASI BAIK
Stesen Stadium Kajang, yang terletak bersebelahan Stadium Kajang, mudah diakses dari pusat bandar Kajang.

30

AKSES LEBIH BAIK
Susur yang menghubungkan bangunan letak kenderaan Stesen Kajang (kiri) dengan Jalan Reko (kanan) sedang dibina.

BEKAS PENDUDUK SETINGGAN MENERIMA CEK SUMBANGAN

Oleh Wallace Soh Chun Hwei

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah membawa kegembiraan kepada bekas penduduk setinggan yang telah dipindahkan ke unit-unit Kompleks Projek Perumahan Rakyat (PPR) apabila mereka menerima cek sumbangan sebanyak RM2,000 daripada pemilik Projek MRT Lembah Klang itu.

Pada 24 dan 25 Mei 2016, satu delegasi dari MRT Corp yang diketuai oleh Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah telah melawat bekas penduduk setinggan di kompleks-kompleks PPR tersebut di Kepong dan Bukit Jalil untuk menyerahkan cek-cek tersebut.

Turut hadir adalah wakil-wakil dari MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd iaitu Rakan Pelaksana Projek bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) dan pegawai-pegawai dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Seperti amalan yang telah dimulakan bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dahulu, MRT Corp telah memberi cek sumbangan sebanyak RM2,000 kepada setiap keluarga setinggan yang telah berpindah ke unit PPR mereka. Cek sumbangan yang dibuat berdasarkan bancian yang telah dijalankan oleh DBKL.

Bekas penduduk setinggan sebelum ini menetap di sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah (dahulu dikenali sebagai Jalan Ipoh), Pintasan Segambut dan Pekan Sungai Besi, yang telah dibersihkan bagi pembinaan Laluan SSP.

Bagi mereka yang tidak berada di rumah semasa lawatan ini dijalankan, satu notis pemberitahuan telah ditinggalkan di pintu rumah masing-masing bagi memaklumkan mereka untuk menghubungi MRT Corp dan menuntut cek sumbangan mereka.



PENYAMPAIAN CEK: *Najmuddin (kedua dari kiri) menyerahkan cek sumbangan kepada Encik Mohd Zahari Razali di unit beliau di Kompleks Projek Perumahan Rakyat Pinggiran Bukit Jalil. Menyaksikan penyerahan cek adalah Inspektor Jabatan Penguatkuasaan DBKL Encik Mohd Shamsi Mohamad (kanan) dan Pengurus Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Encik Wallace Soh Chun Hwei (kiri).*

Dato' Najmuddin telah menyatakan rasa terima kasih beliau bagi kerjasama yang telah diberikan oleh penduduk setinggan untuk ditempatkan semula.

"Tidak dilupakan juga pegawai-pegawai DBKL yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya untuk keseluruhan proses dalam mengenal pasti dan menempatkan semula penduduk-penduduk setinggan ini. MRT Corp amat berterima kasih kepada mereka," tambah beliau.

Beliau berkata MRT Corp dan Rakan Pelaksana Projek akan terus bekerjasama dengan DBKL untuk memudahkan penempatan semula penduduk setinggan yang tinggal di kawasan penempatan yang perlu dibersihkan untuk pembangunan projek MRT.



KERJA SELESAI: *Najmuddin (tengah) bergambar dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan DBKL serta kakitangan MRT Corp dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd selepas menyerahkan cek sumbangan di Kompleks Projek Perumahan Rakyat Pinggiran Bukit Jalil.*



SENYUMAN: *Bekas penduduk setinggan berasa gembira selepas menerima cek sumbangan dari Najmuddin (ketiga dari kanan) di Kompleks Projek Perumahan Rakyat Pinggiran Bukit Jalil.*

PROGRAM USAHAWAN MUDA MRT KEDUA BERMULA

Oleh Rizal Redzuan



TELADAN: *Graduan MYEP I memegang sijil pencapaian mereka dan bergambar dengan Dzulkifli (barisan hadapan keempat dari kiri) Shahril (barisan hadapan kelima dari kiri) dan Ahmad Asri (barisan hadapan ketiga dari kanan).*

SUSULAN kejayaan daripada program pertama, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah melancarkan Program Usahawan Muda MRT Kedua (MYEP II) pada 11 Mei 2016 yang menyaksikan 60 orang graduan muda Bumiputera mengambil bahagian dalam program tersebut.

Di bawah program ini, graduan-graduan akan menjalani latihan dan kemudian membentuk syarikat-syarikat yang akan dianugerahkan kontrak oleh kontraktor-kontraktor pakej kerja MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Majlis itu telah diadakan di Ibu Pejabat Korporat MRT Corp di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Turut hadir di majlis adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) Datuk Dzulkifli Fadzilah dan Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Malaysia Dato' Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid.

MRT Corp akan bekerjasama dengan PUNB dan CIDB untuk program tersebut, dan kerjasama ini telah dimeterai dalam satu Perjanjian Persefahaman yang ditandatangani semasa majlis itu.

Timbalan Pengurus Besar Perhubungan Bumiputera MRT Corp Encik Zarif Zainul telah menyampaikan ucapan ringkas bagi memperkenalkan program tersebut. Kemudiannya, Dzulkifli telah mengulas tentang kejayaan Program Usahawan Muda MRT Pertama (MYEP I) dan bagaimana PUNB berasa bangga dalam penglibatan dalam program yang kedua ini.

Ahmad Asri, yang berucap selepas Dzulkifli, menasihati para peserta agar menggunakan peluang yang telah diberikan kepada mereka dengan sepenuhnya untuk menjadi kontraktor-kontraktor yang baik.

Semasa pelancaran, seramai 14 graduan lulusan MYEP I telah dianugerahkan sijil pencapaian. Satu video klip ringkas yang menyerlahkan kejayaan beberapa peserta ditunjukkan semasa majlis itu.

Kebanyakan peserta menyatakan mereka sangat berterima kasih akan peluang yang telah diberikan untuk menjadi kontraktor-kontraktor bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang. Mereka berkata sebahagian daripada kerja adalah agak sukar tetapi mereka telah berjaya mengatasi semua cabaran berdasarkan apa yang telah mereka pelajari sepanjang sesi-sesi latihan yang dijalankan bagi program tersebut.

SESI TAKLIMAT BAGI AHLI PARLIMEN, WAKIL MAJLIS TEMPATAN

Oleh Wallace Soh Chun Hwei

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah menjalankan satu sesi taklimat pada 13 Mei 2016 bagi Ahli-Ahli Parlimen dan wakil-wakil majlis tempatan di mana kawasan-kawasan mereka terletak di sepanjang MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Sesi ini diadakan di Pusat Informasi MRT yang baru di Viva Residency, Jalan Sultan Azlan Shah (sebelum ini Jalan Ipoh), Kuala Lumpur.

Objektif utama sesi diadakan adalah untuk memberi taklimat kepada Ahli-Ahli Parlimen, wakil-wakil Dewan Undangan Negeri dan ahli-ahli majlis tempatan mengenai kemajuan Laluan SSP, terutamanya tentang pakej kerja jejambat pertama yang telah dianugerahkan pada lewat Mac 2016.

Dengan penganugerahan pakej ini dan pakej kerja berikutnya, kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula dengan cepat.

Sesi itu merupakan sesi susulan kepada sesi yang sama yang telah diadakan lebih daripada setahun yang lalu.

Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris telah memberi taklimat dalam sesi itu. Turut hadir adalah Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah, wakil-wakil dari Rakan Pelaksana Projek bagi Laluan SSP, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd.

Antara Ahli Parlimen yang hadir adalah Dr Tan Seng Giaw dari Kepong, Tuan Tian Chua dari Batu, Tuan Fong Kui Lun dari Bukit Bintang, Tuan Tan Kok Wai dari Cheras, Puan Teresa Kok Suh Sim dari Seputeh, dan Dr Ong Kian Ming dari Serdang. Manakala Ahli Parlimen Titiwangsa Dato' Johari Abdul Ghani, yang juga Menteri Kewangan II, telah menghantar seorang wakil ke taklimat itu.

Wakil-wakil dari pelbagai majlis-majlis tempatan, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang dan Perbadanan Putrajaya turut hadir.

Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah keselamatan tapak kerja, pengurusan trafik, pencegahan banjir, pengambilan tanah, salinghubungan akan datang termasuk servis bas pengantara, dan perjumpaan dengan orang awam.

Dato' Najmuddin berjanji akan meneruskan dengan sesi-sesi yang melibatkan pelbagai pihak-pihak berkepentingan pada masa depan memandangkan pembinaan Laluan SSP sedang berjalan.

"Ahli-Ahli Parlimen dan wakil-wakil majlis tempatan memainkan peranan penting dalam komunikasi antara MRT Corp dan orang awam. Oleh itu, adalah sangat penting untuk mereka dimaklumkan mengenai kemajuan terkini Projek MRT," katanya.



MENYEDIAKAN MAKLUMAT: *Amiruddin membentangkan maklumat kepada Ahli-Ahli Parlimen dan wakil-wakil majlis tempatan di Pusat Informasi MRT.*



PENDAFTARAN: *Dr Tan Seng Giaw menandatangani borang pendaftaran sebaik sahaja tiba di Pusat Informasi MRT.*



MAKLUMAT: *Encik Mohd Nor Ibrahim, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Titiwangsa Datuk Johari Abdul Ghani, memeriksa aplikasi Hawkeye yang membolehkan pandangan 360 darjah dari udara bagi seluruh Laluan SSP.*



BERSAMA-SAMA: *Peserta yang menghadiri sesi taklimat mengambil gambar berkumpulan selepas majlis itu.*

HAB INFORMASI BARU MRT DILANCARKAN

Oleh Rizal Redzuan



SAMBUTAN MERIAH: *Para media dan hadirin yang hadir bagi pembukaan Hab-Hab Informasi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) di Pusat Informasi MRT, Seri Kembangan.*



BERGERAK: *Selain memberi informasi tentang Projek MRT, Trak Informasi MRT juga mempunyai permainan bagi pelawat.*



AKSES MUDAH: *Kios Informasi MRT didirikan di pusat-pusat membeli belah, pasar raya, hab pengangkutan dan lokasi di tempat-tempat yang mempunyai trafik tinggi pejalan kaki.*

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah melancarkan hab-hab informasi baru pada 30 Mei 2016 yang akan membantu memberi maklumat berkaitan dengan Projek MRT Lembah Klang kepada orang ramai.

Hab-hab ini merangkumi dua Pusat Informasi MRT (MIC), satu Kios Informasi MRT (MIK) dan satu Trak Informasi MRT (MIT). Kesemuanya mengandungi informasi yang akan lebih fokus kepada laluan MRT yang baru, MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya yang merupakan laluan kedua Projek MRT.

Sebuah majlis telah diadakan untuk melancarkan hab-hab informasi tersebut di Pusat Informasi Seri Kembangan. Majlis telah dihadiri oleh Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris bersama Pengarah Projek MMC Gamuda KVMRT(PDP SSP) Sdn Bhd Encik Param Sivalingam. MMC Gamuda merupakan Rakan Pelaksana Projek bagi Laluan SSP.

Dalam ucapan beliau semasa pelancaran itu, Amiruddin berkata ketiga-tiga hab informasi telah ditubuhkan untuk satu tujuan – sebagai saluran untuk orang awam mendapatkan maklumat tentang Projek MRT.

"Oleh sebab itu, ianya mejadi satu 'touchpoint' atau saluran bagi Projek MRT untuk berhubung dengan orang awam" kata Amiruddin.

Sebuah MIC berada di sebuah lot komersial di Jalan Sultan Azlan Shah (dahulunya Jalan Ipoh), Kuala Lumpur dan sebuah lagi berada di Pusat Perniagaan The Atmosphere di Seri Kembangan. Alamat kedua-dua Pusat Informasi dan waktu operasi dinyatakan di Halaman 2 buletin ini.

MIK pula terdiri daripada sebuah gerai bergerak yang didirikan setiap dua bulan di pusat-pusat membeli belah, pasar raya, hab pengangkutan dan lokasi di tempat-tempat yang mempunyai trafik tinggi pejalan kaki.

Selain itu, MIT merupakan sebuah trak yang telah ditukar menjadi pusat informasi bergerak. Ia ditempatkan di pasar pagi dan malam, masjid dan tempat beribadat yang lain, sekolah dan institusi pengajian dan tempat-tempat awam. Ia juga boleh ditempatkan di lokasi-lokasi tertentu mengikut permintaan daripada organisasi-organisasi atau kumpulan-kumpulan seperti persatuan penduduk.

Maklumat jadual dan lokasi MIT, yang beroperasi pada pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang, terdapat di laman web MRT (www.mymrt.com.my) dan platform-platform media sosial (MRTMalaysia).

Hab-hab informasi ini dilengkapkan dengan papan maklumat ciri-ciri Projek seperti jajaran, lokasi stesen dan manfaat-manfaat MRT. Terdapat juga aplikasi interaktif "Hawkeye" yang memberikan paparan dari udara 360 darjah untuk keseluruhan jajaran. Risalah projek dan bahan bercetak lain juga disediakan.

Sempena pembukaan hab-hab informasi ini, MRT Corp telah menganjurkan pertandingan "Snap & Check-In" yang berlangsung dari 16 Mei 2016 hingga ke 24 Mei 2016. Pertandingan ini adalah sebahagian daripada kempen kesedaran untuk menarik perhatian orang awam untuk melawat hab-hab informasi MRT.

Peserta pertandingan dikehendaki mengambil gambar mereka di salah satu MIC, dan memuat turun gambar mereka ke Facebook atau Instagram. Gambar-gambar yang kreatif telah dipilih dan pemenangnya telah menerima wang tunai bernilai RM200 dan cenderamata MRT.

Enam pemenang pertandingan ini adalah Encik Azli Mohd Top, Encik Wong Jun Ho, Puan Sahibah Mohd Salleh, Encik Afanddy Hushni, Puan Noor Hasseimah Mohd Halim dan Encik Chandra Bahadur Tamang.

Mereka telah dijemput ke acara pembukaan hab-hab informasi MRT di mana mereka menerima hadiah mereka.

PROJEK MRT MENGUKUHKAN BUDAYA KESELAMATAN

Oleh Rizal Redzuan

MEMANDANGKAN pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya akan bermula tidak lama lagi, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Rakan Pelaksana Projek (PDP), MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, telah memutuskan untuk mengambil inisiatif meningkatkan tahap keselamatan bagi sektor pembinaan secara keseluruhannya.

Dari pengalaman sewaktu membina MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, kedua-dua MRT Corp dan PDP telah membuat keputusan bahawa peningkatan tahap keselamatan bagi sektor pembinaan diperlukan bagi menyingkirkan penyebab-penyebab utama kemalangan di tapak kerja.

Untuk mencapai matlamat ini, MRT Corp telah memperkenalkan lima inisiatif utama untuk meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar untuk dilaksanakan bagi Projek MRT. Lima inisiatif utama termasuk: pengurusan pembinaan reka bentuk; spesifikasi dan kewajipan pembinaan; skim prestasi keselamatan, kesihatan dan alam sekitar; skim pasport keselamatan dan program latihan induk.

Harapannya adalah dengan pengetahuan dan latihan yang telah dijalani melalui inisiatif-inisiatif ini, kontraktor-kontraktor pakej kerja akan dapat meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar bukan sahaja bagi Projek MRT tetapi bagi semua projek lain yang telah mereka ceburi.

Untuk menunjukkan bagaimana inisiatif-inisiatif ini diamalkan, MRT Corp telah mengadakan satu demonstrasi kepada media di Pusat Latihan KVMRT yang baru ditubuhkan di Sungai Buloh pada 10 Jun 2016. Pusat latihan ini merupakan lokasi di mana semua kakitangan Projek MRT menjalani latihan bagi semua aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang diperlukan bagi inisiatif-inisiatif tersebut.

Pengarah Piawaian dan Pematuhan MRT Corp Tuan Syed Madhar Syed Hussain telah mengetuai lawatan tersebut bersama Pengarah Projek MRT Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris dan Pengarah Projek MMC Gamuda Mr Param Sivalingam.

Selepas satu taklimat, media telah ditunjukkan pelbagai modul-modul latihan yang diajar di pusat latihan.



TELITI: *Media telah diberi peluang menyaksikan latihan mengangkat muatan berat menggunakan penghadang konkrit yang beratnya satu tan.*

Demonstrasi pertama adalah latihan perancah (scaffolding) di mana mereka menyaksikan Pelatih Induk Encik Ahmad Nazari menghuraikan risiko-risiko utama apabila menggunakan perancah. Beliau dan beberapa pekerja kemudiannya telah menunjukkan kaedah yang selamat untuk menggunakan perancah dan amalan sewaktu bekerja di tempat tinggi.

Selepas itu, media telah diberikan demonstrasi cara mengangkat muatan berat dengan menggunakan kren. Encik Kunaselan Krishnan, juga seorang Pelatih Induk, telah mengajar pekerja-pekerja tentang langkah-langkah yang perlu diambil apabila menjalankan operasi mengangkat muatan berat.

Lawatan itu berakhir dengan sesi soal dan jawab yang diikuti dengan jamuan ringan.



DEMONSTRASI: *Param menjelaskan kepada media tentang bagaimana latihan untuk penggunaan perancah dan amalan semasa bekerja di tempat tinggi dijalankan.*



BERJUMPA DENGAN MEDIA: *(dari kiri) Param, Amiruddin dan Syed Madhar menjawab soalan-soalan daripada media.*

SOROTAN PENTING



LAWATAN KE STESEN: *Delegasi dari Bahagian Ukur Tanah Pertubuhan Juruukur Di Raja Malaysia (RISM) telah membuat lawatan ke Stesen Cochrane pada 2 Jun 2016.*



MENGETAHUI LEBIH LANJUT: *Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah bersama pelajar yang menyertai Program Pelajar Luar Negara "Common Purpose" Kuala Lumpur di Pusat Informasi MRT, Jalan Sultan Azlan Shah pada 15 Jun 2016.*



BERMANFAAT: *Delegasi dari Perhimpunan Asia Pasifik UITP yang ke-16 bergambar selepas lawatan mereka di Depoh Sungai Buloh pada 18 Mei 2016.*



HUBUNGAN AKRAB: *Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah berucap sebelum berbuka puasa semasa acara Media Iftar bersama MRT Corp pada 21 Jun 2016.*

PENGERUSI SPAD MELAWAT DEPOH MRT

Oleh Rizal Redzuan



NADI SISTEM: *Mahdzir (keempat dari kiri) menjelaskan kepada Syed Hamid tentang sistem semboyan yang dikawal di dalam Pusat Kawalan Operasi.*



CANGGIH: *Vanitashree menunjukkan konsol tren kepada Syed Hamid. Tren-tren MRT adalah tren automatik dan tanpa pemandu. Konsol akan hanya digunakan jika tren diubah ke mod manual.*

SATU delegasi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang diketuai oleh pengerusinya Tan Sri Dato' Seri Dr Syed Hamid Albar, telah mengadakan satu lawatan kerja ke Depoh MRT Sungai Buloh pada 27 Mei 2016.

Delegasi yang terdiri daripada 35 orang itu telah disambut oleh Pengarah Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) Encik Marcus Karakashian, yang telah memberi taklimat tentang pembinaan laluan tersebut.

Beliau telah menekankan bahawa keseluruhan kerja-kerja landasan MRT telah siap. Pada masa yang sama, kerja-kerja lain adalah menepati jadual untuk membolehkan operasi Fasa Pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan yang akan bermula pada Disember 2016.

Karakashian kemudian membawa delegasi ke Pusat Kawalan Operasi di mana Ketua Jabatan Semboyan dan Kawalan Tren Encik Mahdzir Ahmad telah memberi penjelasan kepada Syed Hamid tentang sistem semboyan dan bagaimana ia mengawal semua aktiviti tren-tren.

Delegasi kemudiannya telah melawat Woksyop Tren Elektrik di mana mereka telah melihat tren-tren yang dihantar dari kilang pemasangan tren di Rasa, Hulu Selangor. Karakashian juga menekankan bahawa beberapa tren-tren sudahpun menjalani ujian di landasan bertingkat.

Para pelawat turut dibawa ke dalam sebuah tren di mana mereka telah diberi taklimat oleh Penolong Pengurus Sistem Mekanikal dan Elektrikal MRT Corp Cik Vanithashree Raja. Vanithashree telah menerangkan tentang ciri-ciri keretapi dan cara ia berfungsi. Beliau telah menegaskan bahawa terdapat 42 unit kamera yang dipasang di dalam satu keretapi untuk memastikan keselamatan penumpang dan membolehkan operasi berjalan dengan lancar.

Sebelum lawatan berakhir, mereka telah dibawa ke Bangunan Penyelenggaraan Infrastruktur Tren di mana Pengurus Depoh, Peralatan dan Kenderaan Penyelenggaraan MRT Corp, Encik Azlan Mahmud, telah menerangkan mengenai kerja-kerja penyelenggaraan yang bakal berlaku. Antaranya adalah kerja-kerja landasan keretapi, geometri trek dan penyelenggaraan landasan. Lokomotif dikerahkan untuk kerja penyelenggaraan ini.

Lawatan yang berlangsung selama sejam itu berakhir dengan jamuan ringan untuk pelawat-pelawat.



CIRI-CIRI MODEN: *Karakashian (kiri) menerangkan kepada Syed Hamid (bersongkok) tentang skrin paparan laluan dan ciri-ciri lain yang terdapat di tren-tren MRT.*



JELAS: *Azlan (ketiga dari kanan) menjelaskan kepada Syed Hamid di hadapan tren-tren kerja di Bangunan Penyelenggaraan Infrastruktur.*

MENENTUKAN PERANAN PENGENDALI DAN PEMILIK ASET

Oleh Amalina Ghazali



PENYERAHAN: *Shahril (kiri) dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Negara Bhd Dato' Azmi Abdul Aziz (kiri) berjabat tangan selepas penukaran dokumen Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT di Majlis Pelancaran Laluan Sambungan LRT pada 30 Jun 2016. Penukaran dokumen itu disaksikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.*

PADA 30 Jun 2016, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Rapid Rail Sdn Bhd telah menandatangani Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Dengan ini, MRT Corp telah secara rasminya melantik Rapid Rail, anak syarikat kepada Prasarana Malaysia Bhd, sebagai pengendali Laluan SBK. Apabila Fasa Pertama Laluan SBK mula beroperasi antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan pada hujung tahun ini, ianya akan dikendalikan oleh Rapid Rail.

Memandangkan keadaan ini, MRT Corp telah merasakan bahawa adalah penting supaya peranan antara MRT Corp dan Rapid Rail dijelaskan kepada orang ramai, lebih-lebih lagi kepada pengguna-pengguna Laluan SBK yang akan datang.

Dalam sebuah wawancara dengan Berita MRT, Pengarah Operasi dan Pengurusan Aset MRT Corp Encik Mahmood Abdul Razak berkata peranan-peranan kedua-dua pihak telah ditakrifkan dengan jelas di dalam Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar dan Ketua Eksekutif Rapid Rail Encik Ahmad Nizam Mohamed Amin.

"Rapid Rail sebagai pengendali Laluan SBK akan bertanggungjawab ke atas operasi harian bagi tren MRT dan juga bas pengantara. Lesen operasi akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) kepada Rapid Rail," ujar beliau.

Bagi mengendalikan operasi harian, Rapid Rail akan dapat mengutip semua hasil tambang dari tren dan bas. Ia akan membayar yuran konsesi tahunan kepada MRT Corp, yang kekal sebagai pemilik semua aset sistem MRT.

Mahmood berkata lain-lain hasil yang akan dijana daripada aktiviti-aktiviti selain daripada kutipan tambang akan dikutip oleh MRT Corp. Contoh pendapatan begini adalah dari sewa ruang niaga, telekomunikasi dan pengiklanan.

Tempoh konsesi adalah 10 tahun dengan opsyen untuk dilanjutkan konsesi selama lima tahun.

Mahmood berkata sebagai pengendali, Rapid Rail dan syarikat induknya, Prasarana akan menjadi pihak yang akan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan orang awam, pengawal selia ataupun pihak berkuasa.

"Rapid Rail juga perlu menguruskan maklum balas daripada pengguna yang diterima menerusi pelbagai platform, termasuk media sosial. Hal ini membolehkan pengendali mengukur atau menilai tahap perkhidmatan yang diberikan," katanya.

Satu lagi perkara penting yang disentuh oleh perjanjian adalah mengenai penyelenggaraan aset MRT. Ini merupakan perkara yang kritikal kerana penyelenggaraan yang betul akan dapat memastikan prestasi optimum bagi aset-aset, lantas membolehkan tahap perkhidmatan yang baik diberikan kepada pengguna.

MRT Corp, sebagai pemilik aset, akan memainkan peranan sebagai penjaga aset bagi pihak kerajaan.



LOGO BARU: *Logo perkhidmatan MRT yang akan digunakan apabila Laluan SBK beroperasi.*

"Kami perlu memastikan aset diurus dengan baik sepanjang jangka hayat MRT," kata Mahmood.

Sebagai pengendali, Rapid Rail akan bertanggungjawab menguruskan aset-aset termasuk tren elektrik, struktur sivil dan bangunan-bangunan, sistem-sistem seperti komunikasi dan tiket. Rapid Rail akan bertanggungjawab ke atas tiga peringkat penyelenggaraan:

- Pembersihan harian, pemeriksaan sebelum operasi harian, penggantian isian bahan-bahan,
- Penyelenggaraan pencegahan rutin seperti yang telah dtetapkan oleh Pengeluar Peralatan Asal, dan
- Penyenggaraan pembetulan dan pencegahan yang kompleks.

Dari sudut lain, MRT Corp akan bertanggungjawab untuk membaikpulih dan penyelenggaraan khusus serta peningkatan dan pembaharuan sistem, termasuk, antara lain, pengubahsuaian tren-tren dan bas-bas.

Penyerahan kepada Rapid Rail akan dijalankan dalam dua peringkat, menurut pengoperasian Laluan SBK yang akan dilakukan dalam dua fasa.

Fasa Pertama Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan akan beroperasi pada hujung tahun ini, sementara keseluruhan laluan akan beroperasi di bawah Fasa Kedua pada bulan Julai tahun hadapan.

PERBEZAAN PERANAN

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD	RAPID RAIL SDN BHD
Pemilik Aset	**Pengendali tren dan bas**
• Mereka bentuk dan membina landasan • Memiliki aset-aset termasuk struktur-struktur • Menilai prestasi aset • Mengurus prestasi aset menerusi KPI pengendali • Mengurus pembaikpulihan aset selepas aset mencecah separuh jangka hayat • Mengawal perniagaan dan hasil sampingan • Mengekalkan pemilikan jenama MRT	• Mengendali tren-tren dan bas-bas pengantara • Mengekalkan hasil tambang • Menyelenggara aset-aset seperti mana yang telah disyorkan oleh pengeluar • Memasarkan perkhidmatan dan menggalakkan penggunaan • Mengurus perhubungan pelanggan termasuk media sosial • Mengendali di bawah jenama perkhidmatan MRT yang unik